



## KENYATAAN SEBUT HARGA

TARIKH IKLAN: 02 MEI 2023



## JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

### TAJUK : SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEREKABENTUK, MENCETAK, MENJILID DAN MEMBUAT BUKU LAPORAN TAHUNAN TAHUN 2022 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **221601 / 221610 / 221615** serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:

BIL	NO. SEBUT HARGA DAN TAJUK PROJEK	LAWATAN TAPAK / TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP / MASA
1.	<b><u>PPN.PK. (S) SPPH 100/2023 (4 bulan)</u></b>  SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEREKABENTUK, MENCETAK, MENJILID DAN MEMBUAT BUKU LAPORAN TAHUNAN TAHUN 2022, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN	<b>Tarikh</b> 09 Mei 2023 (Selasa)  <b>Masa</b> 10.00 pagi  <b>Tempat</b> Seksyen Perancangan & Pengurusan Hutan Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	<b>Tarikh</b> 09 Mei 2023 (Selasa)  <b>Masa</b> 10.00 pagi  <b>Tempat</b> Seksyen Perancangan & Pengurusan Hutan Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	<b>Tarikh</b> 16 Mei 2023 (Selasa)  <b>Masa</b> 12.00 Tengahari

1. Kontraktor-kontraktor yang berminat untuk menyertai sebut harga ini adalah **diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat sebutharga** seperti mana ketetapan di dalam kenyataan sebutharga.
2. Hanya penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan menghadiri dan mengikuti lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan **sesalinan**:
  - a) Kad Pengenalan pemilik syarikat;
  - b) Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
  - c) Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).
3. Kehadiran ke sesi lawatan tapak adalah diwajibkan mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)** dalam menyokong usaha membendung penularan wabak COVID-19.
4. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **09 Mei 2023 (Selasa)** sehingga sebelum tutup **Sebutharga** pada waktu pejabat di Seksyen Perancangan dan Pengurusan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

5. Dokumen sebutharga akan dijual dengan harga **RM20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja)** **senaskah** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos** atau **Bank Deraf** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Wang Tunai tidak akan diterima**. Semasa pembelian Dokumen Sebutharga, penama juga **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan bersama Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi tahun semasa.
6. Penama-penama atau wakil-wakilnya juga diminta untuk mengemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal yang masih aktif** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan **Resit Pendaftaran dengan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak**.
7. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada **16 Mei 2023 (Selasa)** pada jam **12.00 tengah hari**.

**PENGARAH  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK  
PERSIARAN MERU UTAMA  
BANDAR MERU RAYA  
30020 IPOH, PERAK**

8. Pemilihan kontraktor yang berjaya adalah berdasarkan analisa sistem 'cut-off'. Oleh yang demikian, kerajaan tidak terikat untuk menerima Sebutharga terendah atau sebarang Sebutharga.

**(SITI DESSYMA BINTI ISNANI)**  
Timbalan Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Perhutanan Negeri Perak